



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 3 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI MINTA PEMAIN INDUSTRI TERUS TINGKAT PENGELUAR MAKANAN, NEGERI, SH -29	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	LEMAK SUSU RM300,000 DIRAMPAS, NEGERI, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3. 4.	USAHAKAN SAWAH PADI SKALA BESAR, NASIONAL, SH -15 HALANG TANAH SAWAH 'DIBORONG', DALAM NEGERI, UM -9	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	HARGA MAKANAN IKAN NAIK LAGI, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -25	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
6.	BIOECONMY CORPORATION LANTIK PENGARAH, BISNES, BH -38	BIOECONOMY DEVELOPMENT CORPORATION
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	SEBAK LIHAT 20,000 POKOK JAGUNH MUSNAH, DALAM NEGERI, UM -32 PADI BERMUTU ELAK POTONGAN PEMUTUAN TINGGI, NEGERI, SH -24 HASIL PADI KURANG KUALITI, NASIONAL, BH -26 'CITY FARM' PROPOSAL LAUDED, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 BERALIH ARAH JADI USAHAWA IKAN MASIN, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -20 'KEHILANGAN' TANAH SAWAH UNTUK PEMBANGUNAN JEJAS HASIL PADI, MINDA PEMBACA -BH HALAL: INTEGRITI SISTEM ATAU JATI DIRI?, RENCANA, UM -14 BENDANG DI PERLIS TURUT DIANCAM, DALAM NEGERI, UM -8 KERJA SAWAH MAKAN KOS TINGGI, DALAM NEGERI, UM -8 PUSAT PATUT BERI INSENTIF PADI KEPADA KEDAH, DALAM NEGERI, UM -8 HARGA SAYUR KEMBALIK STABIL, NASIONAL, SH -11 MUSIM BANJIR, PKP PENGARUHI HARGA SAYUR DI PASARAN, NASIONAL, SH -11	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	29

MAFI minta pemain industri terus tingkat pengeluaran makanan

TUMPAT - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) meminta pemain-pemain sektor pertanian, penternakan, dan perikanan, untuk terus meningkatkan pengeluaran hasil bagi menyediakan bekalan makanan mencukupi, kepada masyarakat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kementerian itu sentiasa memberikan kerjasama kepada mana-mana pihak, bagi memastikan pengeluaran makanan negara mencukupi untuk dibekalkan kepada seluruh rakyat Malaysia pada harga berpatutan.

“Kita minta semua sektor pertanian, penternakan dan perikanan, jangan berhenti mengeluarkan makanan, walaupun ketika ini kita dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Covid-19.

“Teruskan kerja-kerja bagi mengeluarkan makanan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP), walaupun tidak dinafikan harga pasaran makanan tidak menentu ketika ini,” katanya selepas Program MAFI Prihatin Bantuan Banjir Tahun 2021 di Dewan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tumpat di sini pada Isnin.

Che Abdullah berkata, MAFI telah menubuhkan bilik gerakan bagi membantu mana-mana usahawan, peniternak, petani mahupun nelayan yang menghadapi masalah bantuan dan sebagainya.

Katanya, dalam perniagaan, peniaga akan sentiasa mencari peluang mengaut keuntungan, namun kerajaan melalui kementerian mempunyai kaedah bagi memastikan tidak ada golongan melakukan kesalahan, dengan meningkatkan harga barang secara tidak berpatutan.

“Apa yang kementerian mahu pastikan, negara kita terus mengeluarkan makanan kepada rakyat pada harga berpatutan,” katanya. - *Bernama*

Lemak susu RM300,000 dirampas

BUTTERWORTH - Sebuah kontena membawa 80 tong lemak susu ditahan sépasukan anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang di Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini pada jam 5.32 petang Isnin.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, kesemua tong itu mengandungi 16,800 kilogram (kg) lemak susu yang dianggarkan bernilai RM300,000.

Menurutnya, pengeksport lemak susu dari New Zealand itu didapati mengisytiharkan dokumen tidak tepat seperti dinyatakan pada syarat dokumen permit import Maqis yang sah.


“Kita menahan kontena tersebut pada petang Isnin dan

mengemukakan sijil kesihatan yang berbeza dari negara pengimport.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) iaitu mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Zarina berkata, lemak susu tersebut diimport untuk diproses menjadi makanan dan minuman bagi kegunaan pasaran di Malaysia dan luar negara.



Antara 80 tong mengandungi lemak susu dirampas Maqis Pulau Pinang.

mendapati terdapat sebanyak 80 tong mengandungi lemak susu yang mana, dokumennya diisytiharkan tidak tepat iaitu

Usahakan sawah padi skala besar

MADA optimis untuk terus menjadi penyumbang utama pengeluaran padi negara

oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

SHAH ALAM

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) optimis untuk terus menjadi penyumbang utama kepada pengeluaran padi negara melalui pelbagai program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan.

Pengerusinya, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, pada tahun 2011, MADA telah melaksanakan Projek Estet Padi di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) EPP 10 yang menyasarkan peningkatan hasil padi bagi setiap hektar kawasan sawah padi.

Menurutnya, kesinambungan program itu diteruskan dengan pelaksanaan Program Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) yang dimulakan pada tahun 2020 sebagai pemangkin kepada peningkatan hasil padi.

"Program ini menyasarkan penglibatan usahawan padi, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan pihak Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi mengusahakan sawah padi dalam skala yang besar.

"Impak daripada usaha ini, sumbangan pengeluaran padi oleh kawasan Muda kepada negara telah meningkat kepada 43 peratus pada tahun 2020 berbanding 40 peratus pada tahun 2018.

"Sebagai rekod, pada tahun 2020, purata hasil padi yang dikeluarkan adalah sebanyak 98 tan metrik per

hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1.204 juta tan metrik bernilai RM1.87 billion," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Mengulas lanjut, Ahmad Tarmizi berkata, sebagai langkah ke hadapan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), MADA akan memfokuskan kepada penggunaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat 4.0 (IR4.0) seperti GIS untuk sistem mem-

buat keputusan dan amaran awal, teknologi pertanian tepat bagi pengurusan ladang yang lebih efisien dan pembangunan peladang muda sebagai generasi pelapis.

"Dijangka purata pengeluaran hasil padi di Kawasan Muda dapat ditingkatkan kepada 6.50 tan metrik sehektar menjelang tahun 2025.

"MADA yakin langkah yang dirancang ini dapat meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan peladang, sekali gus menjamin keselamatan pengeluaran makanan negara dengan dokongan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta kerajaan Kedah dan Perlis," katanya.

Ahmad Tarmizi berkata, keluasan asal kawasan penanaman padi di Kawasan Muda adalah seluas 96,558 hektar iaitu 77,882 hektar di Kedah dan sebanyak 18,676 hektar di Perlis.

"Mengikut rekod MADA, kawasan sawah padi di Kawasan Muda yang telah diluluskan ubah syarat oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sejak tahun 1970 sehingga 2020 adalah seluas 8,389.02 hektar.

"Pada tahun 2009, kerajaan Kedah telah mewartakan tambahan seluas 2,730 hektar kawasan penanaman padi sebagai Kawasan Muda dan pada tahun 2011, kerajaan Perlis turut mewartakan seluas 1,397 hektar kawasan penanaman padi sebagai Kawasan Muda," katanya.



AHMAD TARMIZI



Kawasan sawah padi dalam Kawasan Muda yang telah diluluskan ubah syarat oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sejak tahun 1970 sehingga 2020 adalah seluas 8,389.02 hektar.



PENDUDUK Kampung BarohMas di Kuala Nearing memajak tanah untuk memulakan musim pentanaman padi di Kedah. - UTUSAN/SHAHIR NOORIN

Halang tanah sawah 'diborong'

0408 MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@melidmuda.com.my

ALOR SETAR: Pelaksanaan dasar menghalang tanah sawah 'diborong' syarikat-syarikat peminaju membangunkan projek perumahan dan industri perlu disemak dan kawalan tersebut tempeloh sebagai jelang ma-kah.

Pengerusi Badan Bertindak Perami Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Md. Zain berkata, kepunusan Menteri Besar, Muhammad Samsi Md. Nor untuk mengambalikan dasar tersebut tepat kerana kawasan sawah di negeri ini semakin berkurangan.

"Langkah itu perlu dilaksanakan segera dan tidak hanya sekadar cakap-cakap di luar sahaja. Langkah ini penting bagi memelihara keselamatan ma-

kahan negara pada masa hadapan," katanya.

Bellau mengulas laporan muka depan Utusan Malaysia semalam mengenai hasrat Muhamamad Samsi mahu melaksanakan semula dasar menghalang tanah sawah diborong dengan projek perumahan dan industri bagi memastikan pengeliharaan padi di negeri ini tidak terjejas.

Dasar tersebut pernah dilaksanakan ketika kerajaan negeri dipimpin bekas Menteri Besar, Tan Sri Azizlan Abdul Razak pada 2009.

Che Ani berkata, dasar itu juga sekiranya dilaksanakan di-nyalini dapat menghalang golongan kapitalis daripada berterusan mengambil kesempatan terhadap pemilik tanah sawah. "Ada segelintir golongan ini yang tidak langsung mengambil

kira soal alam sekitar mahu pun kepentingan pertanian. Yang mereka fikirkan cuma keuntungan berlipat kali ganda.

"Maka sebagai jalan mencari keuntungan mudah, mereka sasarkan tanah sawah milik bu-miputera pada harga murah. Ini perlu dibendung," katanya.

Semutara itu, Esco Perubuhan Persadaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yoh menyarankan kerajaan negeri supaya mewujudkan jawatan bankuasa terdiri daripada agensi berkaitan serta wakil-wakil petani yang akan membuat penilaian terhadap keputusan berkaitan tanah sawah di negeri ini.

"Kalau hendak bina sesuatu bangunan seperti hospital dan sebagainya orang ramai, tak apalah juga. Tetapi kalau sevakait hendak bina projek perumahan serta industri yang mendatang-

kan keuntungan hanya kepada pihak tertentu, itu tentunya merugikan," katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri juga mungkin boleh membuat ketetapan agar tanah-tanah sawah tidak boleh ditukar statusnya daripada pertanian kepada industri atau perumahan setelah berlaku proses jual beli.

"Mungkin ada dalam kalangan petani yang terdesak dan memerlukan duit, terpaksa jual tanah mereka. Itu hak masing-masing dan kita tak boleh menyalahkannya.

"Cuma kerajaan negeri diharapkan dapat buat ketetapan bahawa tanah tersebut tidak boleh ditukar status untuk bina rumah atau projek industri. Tanah itu perlu dikekalkan menjadi tanah sawah agar pengeliharaan padi di negeri ini tidak terjejas," katanya.

Jangan tolak projek tanah bendang

KUALA LUMPUR: Kedah akan mundur jika menolak pembangunan di kawasan tanah bendang yang banyak melibatkan peratusan kecil di tanah berkenaan.

Ini kerana pembangunan industri dan infrastruktur seperti perumahan adalah satu keperluan di sesebuah negeri dan ia tidak akan menjejaskan pengeluh-

an Pakat perundangan, Datuk Salleh Buang berkata, Kedah masih boleh mengekalkan beberapa kawasan lain seperti hutan, kawasan tadahan air dan empangan manakala isu pembangunan di kawasan tanah sawah tidak sepatutnya timbul kerana dilihat lebih mendatangkan hasil.

"Ironinya, negeri lain seperti Pulau Pinang boleh menjalankan pelbagai industri. Sedangkan di Kedah tidak boleh melakukan perkara sama," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Kelmarin, Muhamamad Samsi Md. Nor mengumumkan akan melaksanakan semula dasar menghalang sawah dibangunkan dengan perindustrian dan perumahan yang diperkenalkan kerajaan negeri pada 2009 susulan pengelu-aran padi terjejas.

Harga makanan ikan naik lagi

Pengusaha ikan patin sangkar akui terkesan, terpaksa naikkan harga

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

Kenaikan harga palet makanan ikan menyebabkan pengusaha ikan patin sangkar di daerah ini terpaksa menaikkan harga jualan bermula minggu ini.

Situasi itu dihadapi selepas beberapa tahun pengusaha ikan patin sangkar menanggung kos apabila satu beg palet seberat 20 kilogram yang berharga sekitar RM60 (berbeza mengikut jenama) kini naik sebanyak RM3 bermula Isnin.

Difahamkan, harga runcit ikan patin mentah yang dijual di sini juga meningkat kepada RM18 atau RM19 sekilogram berbanding RM17 beberapa tahun lalu, malah harga borong juga dilaporkan meningkat.

Pengusaha ikan patin sangkar, Mohd Saifullah Rosdi, 25, di Kampung Buntut Pulau di sini berkata, ikan patin di gerainya dijual pada harga RM17 beberapa tahun lalu.

Namun, katanya, dia terpaksa menaikkan harga ikan patin sebanyak RM2 sekilogram disebabkan tidak dapat menanggung kos kenaikan harga palet.

"Saya berharap pelanggan



Mohd Saifullah menyifatkan kenaikan harga makanan ikan kali ini memberikan kesan kepada pengusaha ikan patin sangkar.

memahami situasi dihadapi pengusaha selepas beberapa kali kenaikan harga palet sebelum ini," katanya.

Seorang lagi pengusaha, Manisah Mat Sam, 52, dari Jalan Songsang di sini juga mengakui dia terpaksa menaikkan harga runcit ikan patin.

Mula mengusahakan ikan patin sangkar sejak 12 tahun lalu, dia menyifatkan kenaikan palet kali ini memberikan kesan ketara terhadap perniagaan mereka.

"Mungkin saya terpaksa jual RM18 sekilogram dalam tempoh terdekat. Saya kasihkan pembeli tetapi kenaikan kos sekarang tidak dapat ditanggung lagi," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Temerloh, Zakaria Alias berkata, kenaikan

harga palet adalah disebabkan pengeluar menaikkan harga.

"Bermula minggu ini, harga palet pelbagai jenama meningkat sekitar RM3 satu beg," katanya.

Dalam pada itu, Exco Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abd Razak berkata, kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa dalam isu berkaitan kenaikan palet tersebut kerana ia bukan dalam senarai harga barang kawalan.

"Cuma kita berharap pihak pengusaha akan lebih telus dan tidak mengambil kesempatan dengan situasi ini kerana ada segelintir yang kurang bertanggungjawab menjual ikan dari kolam, tetapi mengenakan harga seperti ikan sangkar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2021	BERITA HARIAN	BISNES	38



Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid

Bioeconomy Corporation lantik pengarah

Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) melantik Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid sebagai Pengarah dan Pengerusi berkuat kuasa 25 Januari 2021.

Iskandar Dzulkarnain yang dilantik oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menggantikan Datuk Seri Masidi Manjun yang meletak jawatan pada 29 September 2020.

Dengan pengalaman selama 20 tahun dalam dunia korporat, beliau menerajui syarikat dalam pelbagai sektor termasuk hartanah dan pelaburan hartanah, pembangunan perumahan, pelancongan, infrastruktur, telekomunikasi serta perkhidmatan kewangan.

* Beliau kini memegang jawatan pengarah di Mikhail Holdings Sdn Bhd, Property Builder (Kuala Kedah) Sdn Bhd dan PT Pinang Witmas Sejati selain menjadi Pengerusi Perak Agro Oil Palm (Argoto Sdn Bhd).

Iskandar Dzulkarnain juga adalah Ketua Bahagian Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Kuala Kangsar sejak 2019 dan ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU pada 2020.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Sebak lihat 20,000 pokok jagung musnah

KUANTAN: Biar pun sebak melihat 20,000 pokok jagung yang ditanam sejak November tahun lalu musnah ditenggelami banjir, itu tidak mematahkan semangat tiga sahabat yang bekerjasama menguruskan projek pertanian itu.

Bagi mereka, musibah yang berlaku adalah ketentuan Allah dan tiada siapa boleh mempertikakannya.

Pengusahanya, Mohd. Fadli Ikram Zulkifli, 31, berkata, sejak hilang kerja ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu, dia dan dua sahabatnya berpakat menceburi bidang pertanian.

"Kami sewa tanah seluas 1.4 hektar di Kampung Semangat RM300 sebulan untuk tanam jagung. Kami mula November tahun lalu dengan 20,000 pokok jagung.

"Boleh dikatakan setiap hari kami menghabiskan masa empat ke lima jam untuk menguruskan pokok jagung yang mana sepatutnya dalam bulan ini kami akan mula menuai hasil.

"Namun apakan daya, musibah yang berlaku tiada siapa boleh menghalangnya dan kami reda," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Semangat di sini semalam.

Mohd. Fadli Ikram berkata, ekoran musibah itu, mereka mengalami kerugian RM8,000 kerana kesemua pokok jagung yang ditanam musnah ditenggelami banjir.

"Alhamdulillah di tapak projek ini terdapat rumah dua tingkat, jadi benih (jagung) lain yang masih ada kami telah pindahkan ke atas.

"Musibah ini langsung tidak mematahkan semangat kami, insya-Allah kami akan mulakan semula selepas ini mungkin dalam bulan ini atau Mac," katanya.

Padi bermutu elok potongan pemutuan tinggi



Ahmad Mustain (tengah) bersama Ramli (kanan) menunjukkan hasil padi yang dihantar ke Pukul Padi PPK Parit 9 di sini pada Selasa.

SUNGAI BESAR - Pesawah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabak dinasihatkan supaya memastikan padi yang dihantar ke kilang berkualiti bagi mengelakkan isu pemotongan pemutuan padi sehingga mencecah 40 peratus.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Ahmad Mustain Othman berkata, beliau yang membuat tinjauan mendapati hasil tuaian dihantar ke kilang mengandungi lebih banyak biji padi muda atau hampa padi.

Menurutnya, pihak pengilang mempunyai prosedur operasi standard (SOP) tersendiri semasa proses pemotongan pemutuan dilakukan.

"Sekiranya mutu padi berkualiti, pihak pengilang tidak sesuka hati hendak melakukan pemotongan pemutuan tinggi sehingga menjejaskan pendapatan pesawah," katanya ketika ditemui pada sidang akhbar selepas melakukan tinjauan di Pukul Padi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Parit 9 di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Ahmad Mustain berkata, beberapa faktor menyebabkan hasil tuaian padi kurang berkualiti antaranya padi yang ditanam pesawah di kawasan terbabat diserang penyakit ulat batang.

"Saya difahamkan penyakit ini menyerang tanaman padi ketika hanya 20 hari sahaja lagi padi hendak dituai hing-

ga menyebabkan pokok padi rosak.

"Justeru, pesawah perlu memastikan perkara seperti ini tidak kembali berulang dalam memastikan hasil tuaian mereka berkualiti pada masa depan," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Mustain berkata, Jabatan Pertanian juga diminta agar dapat memastikan masalah sama tidak terus menghantui pesawah selain memastikan segala bantuan dan masalah pesawah diberi perhatian serius.

"Kita meminta beberapa aspek perlu diberi tumpuan pihak berkaitan seperti sistem pengaliran yang baik serta bantuan input pertanian lain bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi sehingga sembilan tan metrik," katanya.

Sementara itu, Pengerusi PPK Sungai Besar, Datuk Ramli Norani berkata, pihaknya mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya membina kilang memproses beras dalam usaha menangani isu pemotongan pemutuan padi.

Katanya, kilang itu nanti berperanan sebagai pusat belian padi daripada pesawah sekitar Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor.

"Kita mencadangkan kerajaan negeri melalui anak syarikatnya membuka dua buah kilang di sekitar IADA Barat Laut yang secara tidak langsung dapat menangani isu penindasan dan manipulasi harga yang dihadapi pesawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	26

Hasil padi kurang kualiti

Pengilang ada SOP ketika proses pemotongan pemutuan dilakukan

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Sungai Besar: Isu pemotongan pemutuan padi sehingga mencecah 40 peratus, didapati berpunca daripada hasil tuaian yang kurang berkualiti termasuk mengandungi lebih banyak padi muda atau hampa.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Ahmad Mustain Othman, berkata pihaknya difahamkan, pengilang mempunyai prosedur operasi standard (SOP) tersendiri ketika proses pemotongan pemutuan dilakukan.

"Sekiranya mutu padi berkualiti, pengilang tidak sesuka hati hendak melakukan pemotongan pemutuan tinggi sehingga menjejaskan pendapatan pesawah," katanya selepas melakukan tinjauan di Pukul Padi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Parit 9, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad Mustain berkata, terdapat beberapa faktor hasil tuaian padi kurang berkualiti seperti padi ditanam pesawah di kawasan itu diserang penyakit ulat batang.

"Saya difahamkan, penyakit ini (ulat batang) menyerang tanaman padi ketika hanya kira-kira 20 hari sahaja lagi padi hendak dituai yang menyebabkan pokok padi rosak.

"Oleh itu, pesawah perlu me-



Ahmad Mustain (tengah) bersama Ramli (kiri) meninjau hasil padi yang dihantar ke Pukul Padi PPK Parit 9, Sungai Besar, semalam. (Foto ihsan FB Mustain Othman)

Sekiranya mutu padi berkualiti, pengilang tidak sesuka hati hendak melakukan pemotongan pemutuan tinggi sehingga menjejaskan pendapatan pesawah.

Ahmad Mustain Othman,
ADUN Sabak

mastikan perkara seperti ini tidak berulang dalam memastikan hasil tuaian berkualiti pada masa depan," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta Jabatan Pertanian untuk memastikan masalah yang sama tidak berterusan menghantui pesawah serta memastikan bantuan dan masalah pesawah diberi perhatian serius.

"Kita minta beberapa aspek perlu diberi tumpuan pihak berkaitan seperti sistem pengaliran yang baik serta bantuan input pertanian lain bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi sehingga sembilan tan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi PPK Sungai Besar, Datuk Ramli Norani, berkata pihaknya mencadangkan kerajaan Selangor supaya membina kilang memproses beras dalam usaha menangani isu pemotongan pemutuan padi.

Katanya, kilang itu bakal berperanan sebagai pusat belian padi daripada pesawah sekitar Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor.

"Kita mencadangkan Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya membuka dua kilang di sekitar IADA Barat Laut yang secara tidak langsung dapat menangani isu penindasan dan manipulasi harga pada masa sekarang," katanya.

3/2/2021

THE SUN

NEWS

3

WITHOUT BOR-
DERS

'City farm' proposal lauded

BY NICOLAS ANIL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Farming stakeholders in the country have welcomed the government's idea to develop an urban farm and improve living conditions of the homeless in the city centre, but say the plan must be strategically implemented.

Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa had on Monday mooted the plan to offer employment opportunities to the homeless so that they can generate income.

The project is to be carried out at Jalan C.Y. Choy in Kuala Lumpur, near a transit centre for the homeless.

Federation of Vegetable Sellers

Plan aimed at engaging homeless to plant fruits and vegetables on land provided by govt

Association Malaysia president Cheong Tek Keong said the first step to executing the plan is to get the homeless interested in farming.

"It is an excellent idea, but not an easy one to execute. First, the government needs to ensure the homeless are interested in urban farming.

"It has great potential, with money to be made, but Malaysians generally do not like to engage in this sector. Only some pursue it as a hobby," he told *theSun*.

processes of farming, which could take several months.

"To wait for fruits and vegetables to harvest takes time. The homeless will not have an income for at least three months. The quickest veggies to grow are kale and spinach," he said.

Cheong said there were substantial market gardeners in the past, but they faded away as more plots of land were cleared for development.

Market gardeners are people who grow fruit and vegetables on small farms and sell them to the public.

But he was excited by the idea, as it could bring down the cost of fruits and vegetables.

"If many people are engaged in this sector, there will be less imports

and the price will be less."

Federation of Vegetable Farmers Malaysia chairman Lim Ser Kwee said the government must invest in quality pest poisons to eradicate rodents, especially in the city centre.

"As long as there is land, farming can be done anywhere.

"It would be good for city folk to purchase fresh vegetables and fruits grown in the city itself. But it needs to be a substantial plot of land to accommodate the farmers," he said.

"Outside the city centre would be best for farming as it has clean air and the plants will not be exposed to pollution.

"If it is near a river or jungle, even better. I am interested to see how this plan takes off."



WARNA-WARNI KEHIDUPAN

Beralih arah jadi usahawan ikan masin

Cari alternatif selepas industri pelancongan diceburi sejak tujuh tahun lalu merudum

KUALA LUMPUR

Demi menyara keluarga, dua rakan kongsi, Khairul Nizam dan Amat Zaini, 42, dan Nor Azizan Adnan, 49, beralih arah menjadi pengusaha ikan masin selepas lebih tujuh tahun terlibat dalam industri pelancongan.

Segala-galanya bermula apabila kedua-duanya mula berjinak-jinak menjalankan perniagaan ikan segar yang diambil dari Tanjung Karau, Kuala



Muhammad Nizar memanjakan ikan masin yang diusahakannya di Taman Selangor Melati, Kuala Lumpur.

Selangor sejak setahun lalu setelah negara dilanda pandemik Covid-19 sehingga dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



Muhammad Nizar memanjakan ikan tradisional, Khairul Nizam mampu menghasilkan 80 sehingga 100 kilogram ikan masin dalam tempoh sehari.



Aspek laburannya sangat ditibarkan sepanjang proses pembuatan ikan masin supaya tahun lebih lama.

pembuatan ikan masin melalui YouTube.

"Sejak itu kami mencuba sendiri dengan membeli ikan-ikan daripada nelayan, merap dengan garam dan menjemurnya di bawah matahari terk selama beberapa hari.

"Semua ikan ini akan di-siang dan dibersihkan untuk mengelak tindak balas kuman yang boleh menjejaskan mutu hasilnya," katanya.

Menurutnya, aspek keber-sihan sangat ditibarkan se-panjang proses pembuatan ikan masin bagi memastikannya be-bas kuman sekali gus menjedi-kannya tahan lebih lama.

"Antara ikan yang popular diadatkan sebagai ikan masin ialah gelama, tenggiri, ikan bulu ayam dan pelaling yang dijual antara RM10 hingga RM70 sekilogram.

"Awalnya kami bermula de-

ngan lima kilogram pelbagai jenis ikan. Alhamdulillah dapat sambutan yang memberangsangkan.

"Sekarang walaupun menggunakan kaedah tradisional kami mampu menghasilkan 80 sehingga 100 kilogram ikan masin dalam tempoh seminggu," katanya yang mempromosikan dan memasarkan hasil ikan masin secara dalam talian menerusi pelbagai platform media sosial.

Beliau berkata, melihat kepada potensi perniagaan sedia ada, mereka merancang untuk membuka kedai suatu hari nanti.

"Kami melihat industri pelancongan tidak akan berkembang dalam tempoh tiga tahun ini, jadi kami memikatkan alternatif untuk meneruskan perniagaan ini," katanya. - Bernama

'Kehilangan' tanah sawah untuk pembangunan jejas hasil padi

Ketika berada di Kedah kira-kira 30 tahun lalu, saya pernah mengikuti majlis dialog antara pegawai pertanian dengan wakil unit peladang bagi sesebuah daerah di negeri itu dan Perlis yang tertabit penanaman padi.

Ketika itu, wakil petani mengemukakan soal tanah sawah semakin kurang yang mungkin mengurangkan pengeluaran padi pegera.

Agak terperinci juga apabila pegawai pertanian menjawab soalan itu dengan menyatakan 'takkan nak buat rumah atas angin.' Jawapan itu tidak menimbulkan sebarang reaksi hadirin yang rata-ratanya petani.

Kita memang dapat mengagak orang bawah susah berdebat dengan pegawai atasan yang mahir dalam bidang mereka, walaupun banyak perkara berkaitan praktikalnya memihak kepada petani.

Apa pun, apabila isu ditimbulkan sekarang mengenai 'kehilangan' 35,000 hektar sawah di Kedah, saya teringat semula jawapan pegawai pertanian berkenaan. Memang sampai sekarang tidak ada orang buat rumah atas angin.

Buat rumah yang bertingkat-tingkat pun guna tanah juga kerana paksanya bermula dari bumi. Oleh itu, mahu tidak mahu kawasan tanaman padi semakin berkurangan setahun ke setahun kerana pelbagai bentuk pembangunan dilakukan turut memabutkan kawasan tanaman padi.

Hal ini tidak boleh dinafikan kerana penduduk kian bertambah dan penggunaan mesti dilakukan di kawasan

mengalami pertambahan penduduk. Penempatan penduduk mesti ada, bangunan perniagaan mesti disediakan, sekolah baharu mesti dibina, manakala perhubungan seperti jalan raya perlu diwujudkan. Semua ini menamatkan tanah.

Difahamkan susulan 'kehilangan' sejumlah besar tanah itu mengakibatkan penyusutan sebanyak 350,000 tan padi serahun dengan jumlah RM320 juta.

Angka ini memang banyak dan membawa petanda status Jelapang Padi Malaysia bagi Kedah akan terjejas atau hilang begitu sahaja suatu masa nanti, jika tanah pertanian memabutkan sawah di majukan atau ditukar kegunaanannya. Difahamkan ramai anak muda tidak begitu berminat dalam bidang pertanian, terutama tanaman padi.

Golongan yang masih bertaban da-

lam bidang ini pun sebenarnya dari-pada orang veteran yang sudah tidak ada pilihan terbabit dalam bidang lain.

Mereka masih bergelumang dengan dunia tidak mendatangkan keuntungan yang banyak. Tanaman padi boleh di-ancam serangan penyakit, ditenggelami banjir dan kemarau.

Mungkin ramai tidak menafikan golongan ini tersepit dengan pelbagai masalah untuk menjalani kehidupan seharian.

Penjualan tanah sawah turut berkait dengan permintaan paju mendirikan bangunan dan kawasan perniagaan. Semua ini sebenarnya boleh dilakukan jika status tanah pertanian tidak boleh ditebus guna kepada sebarang bentuk pembinaan.

Bagaimanapun, pengambilan tanah

pertanian tetap berlaku kerana tuntutan pembangunan. Pada pihak petani pula, disebabkan bidang mereka mempunyai pelbagai risiko dan kurang menguntungkan, mereka lebih cenderung untuk menjual tanah sawah kepada pihak memberi tawaran tinggi.

Dalam soal ini, cara mengemukakan bidang ini bergantung kepada usaba kerajaan mempertingkatkan kajian kaedah memperbenyak hasil tanaman padi supaya perolehan petani semakin meningkat walaupun salz tanah diusahakan semakin mengecil.

Walaupun pelbagai usaba sudah dilakukan, keyakinan petani untuk meneruskan bidang ini mesti diberi perhatian supaya mereka memperoleh pendapatan lumayan.

Tidak menghairankan apabila ada petani menamatkan tanaman padi bukan sahaja kepada mangga harum manis, bahkan ketum kerana risiko tanaman padi agak tinggi.

Di atas kertas, memang kita boleh memberi cadangan supaya petani membuat kerja sampingan lain bagi tujuan menambah pendapatan. Namun dari sisi lain, semangat padi tetap ada.

Kerana itulah orang tua-tua dahulu berkata, tanam padi tumbunya lalang dan dua baris pembayang pantun lama ada menyebut:

*Lama sudah tidak ke bendang,
Habib padi dililit kangkung.*



Hasil tanaman padi yang kurang menguntungkan menyebabkan petani lebih cenderung menjual tanah kepada pihak yang memberi tawaran tinggi. (Foto biasan)

M Jasni Majed,
Kapar, Selangor

Halal: Integriti sistem atau jati diri?

ZULKEFLI MOHAMAD



SAYA terpanggil untuk mengulas artikel ditulis oleh Panel Pakar Industri Halal Negara, Mohd. Amri Abdullah dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 23 Januari 2021 tentang signifikannya peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam menentukan keutuhan ekosistem halal dan sumbangannya terhadap ekonomi negara. Memang tidak boleh dinafikan sejak penubuhannya, agensi itu memainkan peranan utama dalam memberikan panduan kepada umat Islam terhadap pemilihan produk halal untuk keperluan harian mereka.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) bukanlah sebuah badan berautoriti dalam penentuan kehalalan sesuatu produk atau perkhidmatan walaupun peranannya telah jauh menjangkau sehingga penetapan standard-standard halal negara sejak lebih dua dekad lalu.

Secara peribadi, saya sedih apabila agensi yang telah memainkan peranan amat besar ini menjadi bahan kecaman pihak-pihak tidak bertanggungjawab dan tidak tahu menahu langsung mengenai ekosistem halal negara dan tataraca pengurusanannya.

Sejak 1995 lagi, sebelum penubuhan PPIM, gagasan halal telah dicetuskan dan sekumpulan profesional Islam duduk berbincang tentang usaha strategik untuk memperkasakan halal supaya menjadi platform untuk umat Islam maju dalam bidang ekonomi.

MELOBI

Langkah pertama yang dicetuskan oleh mereka ialah menaik taraf garis panduan halal ke tahap standard. Melalui kerjasama erat dengan pihak industri pada



DARI segi integriti garis panduan, standard, manual dan protokol industri Halal Malaysia, semuanya sudah lengkap. - UTUSAN/SHIDIEQIN ZON

“Saya sedih apabila agensi yang telah memainkan peranan amat besar ini menjadi bahan kecaman pihak-pihak tidak bertanggungjawab dan tidak tahu menahu langsung mengenai ekosistem halal negara dan tataraca pengurusanannya.”

masa itu, Mas Catering Sdn. Bhd., jawatani kuasa teknikal yang dibentuk berjaya menghasilkan satu standard pengurusan pertama di dunia berdasarkan sunnah dan hadis iaitu ISI2020. Penubuhan PPIM dan RISIS (*Research Institute of Standards in Islam*) pada 1997 memberikan standard ISI2020 sebagai platform baharu untuk diketengahkan dalam



kalangan pemain-pemain industri lain di dalam dan luar negara.

Secara kebetulan pada 2000, standard halal pertama negara telah diterbitkan oleh Jabatan Standard Malaysia dalam bidang makanan halal, MS1500:2000 dengan kerjasama Jakim dan SIRIM

PPIM juga pernah diberikan amanah untuk memperkerusi Jawatankuasa Teknikal Pengurusan dari Perspektif Islam. Jawatani kuasa ini berjaya menghasilkan tidak kurang lapan standard pengurusan Islam. Elemen-elemen yang diguna pakai dalam

ISI2020 juga digabung bagi menggariskan standard halal dan pengurusan Islam ini. Sehingga kini, Malaysia adalah satu-satunya negara Islam yang berjaya menerbitkan standard dalam pelbagai sektor industri penting yang menjadi rujukan seluruh dunia.

KETIRISAN

Apa yang saya nyatakan di sini adalah dari segi integriti garis panduan, standard, manual dan protokol yang kita telah terbitkan untuk kegunaan semua agensi yang terlibat dalam industri halal termasuk Jakim, Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kastam Diraja serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

JAKIM juga melalui fasa-fasa penting dalam memantapkan pengujian halal melalui Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHac), bidang penyelidikan dan pembangunan melalui Akademi Kajian Halal Antarabangsa (HIRA) serta Akademi Halal Antarabangsa Malaysia (MHAM). Mutakhir, pada Oktober lalu, Jakim menerima pengiktirafan akreditasi ISO/IEC17065 yang menandakan ia telah mematuhi sepenuhnya keperluan bertaraf antarabangsa standard dan perundangan yang ditetapkan ISO.

Integriti sistem Halal Malaysia sepatutnya memang tidak boleh dipersoalkan lagi oleh mana-mana pihak jika mereka peka terhadap latar belakang pengurusan serta peranan yang dimainkan oleh agensi-agensinya berkaitan.

Jika ada sebarang salah laku atau ketirisan halal di negara ini, maka saya kira ia adalah 100 peratus berpunca daripada faktor manusia.

PENULIS ialah Penolong Setiausaha, Persatuan Pengguna Islam Malaysia dan penerima Anugerah Standard Kebangsaan 2019, Jabatan Standard Malaysia.

200 hektar sawah padi di Kangar ditebus guna untuk pembangunan

Bendang di Perlis turut diancam

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamutia.com.my

KANGAR: Lebih 10,000 tan metrik hasil padi susut dengan anggaran kerugian mencecah RM15 juta dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, berikutan kawasan sawah khususnya di Kangar ditebus guna untuk pembangunan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Eksekutif Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizie Marzuki berkata, difahamkan lebih 200 hektar kawasan sawah di Kangar sudah dibangunkan.

Berikutan itu, menurut beliau, rekod hasil padi yang dihantar ke kilang didapati susut sehingga 1,000 tan metrik setahun memabitkan nilai RM1.5 juta.

Jelasnya, jumlah kemerosotan tersebut tidak termasuk hasil di kilang-kilang beras lain.

"Bagaimanapun, jumlah tanah bendang yang ditebus guna atau kerajaan membeli tanah bendang di Perlis untuk tujuan pembangunan tidaklah begitu ketara.

"Kita mendapati kemerosotan hasil padi dianggarkan 1,000 tan metrik setahun dan perkara itu



KERIA-KERIA menuai padi di Guar Sany, Arau, Perlis baru-baru ini. - UTUSAN

berlaku sejak tempoh 10 hingga 15 tahun lalu berikutan sawah bendang di sini yang digunakan untuk tujuan lain," katanya.

Ezreen Muhaizie memberitahu, Perlis kini mempunyai 51,000 hektar keluasan sawah dengan hasil 250,000 tan metrik

setahun.

Dalam pada itu, kata beliau, anak-anak muda di negeri ini masih aktif bersawah termasuk menggunakan teknologi baharu seperti dron.

"Anak-anak muda masih mementi bidang pertanian

yang menjadi antara sumber rezeki utama mereka," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Surara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban turut bimbang jika sawah terus digunakan untuk tujuan pembangunan.

Katanya, jika keadaan ber-



MOHD. SHAZWAN SUBAN

larutan boleh menyebabkan kawasan tanaman padi berkurangan di seluruh negara sekali gus menjejaskan pengeluaran beras selain negara akan terus bergantung dengan mengimport makanan ruji tersebut.

"Hampir 90-95 peratus rakyat Malaysia menjadikan nasi sebagai makanan utama dan apabila kawasan tanaman padi semakin berkurangan ia akan menjejaskan pengeluaran beras negara.

"Kalau boleh, kawasan-kawasan sawah jangan dikacau atau diambil untuk tujuan pembangunan. Untuk pembangunan gunalah kawasan lain," katanya.

Kerja sawah makan kos tinggi

PETALING JAYA: Penjualan tanah bendang bukanlah dibuat secara sesuka hati, sebaliknya pesawah terbahit ada sebab munasabah berbuat demikian.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Exco Pertubuhan Perseawahan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, sesetengah pesawah menganggap mengusahakan bendang tidak sepadan dengan pendapatan diraih mereka.

"Kos mengerjakan sawah bukannya murah. Satu hektar memerlukan antara RM3,000 hingga RM5,000 untuk sewa jentera, mengupah pekerja dan membeli benih padi, baja serta racun. Pulangan yang setimpal memerlukan pengeluaran padi sehingga 7 tan, tetapi kalau kurang daripada itu rugi lah kami.

"Malah, kami tidak mendapat banyak insentif dan subsidi terutamanya ketika berlaku bencana, menyebabkan kami

langsung tak dapat hasil. Sebab itu, ada pesawah yang hilang motivasi untuk mengusahakan bendang," katanya.

Abdul Rashid mendakwa, satu lagi faktor bendang dijual kerana kerajaan negeri dilihat lebih mementingkan projek perumahan daripada memelihara sawah bagi menaikkan pengeluaran beras tempatan.

"Pemaju pilih bangunkan tanah sawah kerana nilainya lebih murah, tetapi siapa yang membenarkan pindah milik berlaku? Ada dalam kalangan pesawah menganggap kerajaan negeri lebih pentingkan projek perumahan, ada yang dibina di lokasi tidak sesuai tetapi tetap dibangunkan.

"Sebab itu apabila melihat situasi ketika ini, ada pesawah yang sanggup pajak tanah atau jual sahaja bendang mereka, ada yang kata buat apa susah-susah kerjakan bendang? Lebih baik

baik jadi jaga," katanya.

Justeru, Abdul Rashid menggesa kerajaan memperketatkan proses tukar milik tanah supaya bendang tidak hilang dan akhirnya rakyat terpaksa bergantung kepada beras import.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu wartakan tanah bendang yang berpotensi tinggi untuk pengeluaran padi, sebab kalau hilang bendang, hilanglah pengeluaran beras tempatan. Malah, jawatankuasa khas menguruskan tanah bendang perlu ditubuhkan dan mempunyai wakil petani.

"Memang ada yang fikir jual sahaja tanah bendang lagi untung, tapi kami tetap mahu mempertahankan tanah bendang, jelang padi negara. Andai kata negara ada krisis bekalan makanan, kita akhirnya perlu bergantung kepada pengeluaran beras tempatan," katanya.

Pusat patut beri insentif padi kepada Kedah

ALOR SETAR: Kerajaan Persekutuan wajar memberi insentif kepada kerajaan negeri Kedah yang sanggup 'berkorban' mempertahankan kawasan sawah bagi menjamin bekalan beras negara tidak terjejas.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Persewahan Perdagangan, Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, Azman Nasrudin berkata, kerajaan negeri sebelum ini menuntut supaya kerajaan Persekutuan memberi insentif RM170 juta setahun atas pengorbanan tersebut.

Menurut beliau, tuntutan itu diteruskan melalui Kementerian Kewangan kerana kerajaan negeri akan mengutip hasil cukai berjumlah RM1.7 bilion sekiranya kawasan tanah padi itu ditukar kepada kawasan komersial.

"Selama ini, kerajaan negeri cuma mengutip hasil cukai kawasan sawah kira-kira RM2.56 juta setahun," katanya ketika ditubungi semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan Kedah akan melaksanakan semula dasar menghalang tanah sawah dibangunkan dengan projek perumahan dan industri bagi memastikan pengeluaran padi di negeri ini tidak terjejas.

Kerajaan negeri berpendapatan, tanah sawah perlu disimpan sebagai jelang makanan dan tidak boleh ditukar menjadi kawasan industri atau perumahan.

Mingguan Malaysia pada Ahad lalu melaporkan seluas kira-kira 35,000 hektar kawasan sawah padi di negeri ini 'hilang' selepas ditukar kepada kegunaan lain.

Harga sayur kembali stabil

Tinjauan di beberapa negeri mendapati harga sayur dijual pada harga munasabah

SELAYANG

Harga sayur yang dikatakan melambung tinggi sekitar Januari lalu kini kembali stabil.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Harian Selayang dan sebuah pasar raya di Batu Caves di sini mendapati kebanyakan pengguna memaklumkan harga sayur dijual pada harga munasabah.

Seorang jururawat, Maimon Md Ramli, 56, berkata, dia yang berbelanja secara bulanan keperluan barang mentah tidak mengesan kenaikan harga mendadak barang mentah itu.

"Pada awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dulu mungkin harga naik sedikit disebabkan pembelian panik tetapi hari ini harganya standard. Ada yang murah dan ada juga sedikit mahal tetapi secara purata berpatutan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Sementara itu, peniaga sayur di Pasar Harian Selayang, Izwan Shah Kasim, 36, berkata, harga sayuran dalam pasaran kembali stabil selepas Pasar Borong Kuala Lumpur beroperasi semula.

"Harga sayur naik sebelum ini disebabkan Pasar Borong Kuala Lumpur ditutup selama beberapa hari menyebabkan stok terhad dan ada pembekal yang meletakkan harga tinggi.

"Contohnya tomato yang pemborong



Harga tomato dijual RM7.99 sekilogram di sebuah pasar raya di Batu Caves pada Selasa.

jual sehingga RM6 sekilogram berbanding RM4 harga biasa. Apabila harga borong mahal, peniaga terpaksa jual mahal juga. Biasanya kami ambil untung RM2 bagi sekilogram," katanya.

Di **JOHOR BAHRU**, tinjauan di Pasar Peladang Skudai mendapati harga kebanyakan sayur mengalami penurunan sekitar lima hingga 10 peratus.

Peniaga, Erlin Maskor, 47, berkata, penurunan harga sayur cukup melegakan selepas harganya melonjak naik sehingga membebaskan peniaga yang terpaksa menjual pada harga tinggi.

"Kami peniaga ambil sayur daripada pemborong. Dua minggu lalu harga agak tinggi dan ada pemborong catu bekalan kepada peniaga. Kalau tempah 20 kilogram (kg) cuma dapat 5kg.

"Bagaimanapun dalam minggu ini kebanyakan harga sayur turun. Jika sebelum ini sekilogram kangkung RM10, tetapi sekarang RM6. Begitu juga cili merah sebelum ini RM20 sekarang RM18," katanya.

Di **KEDAH**, peniaga mendakwa sebelum ini ada sayur mengalami kenaikan harga sehingga 50 peratus, tetapi kini harga kembali turun.

Peniaga sayur, Hazizi Razali, 50, berkata, harga melambung tinggi membabitkan beberapa jenis sayur antaranya cili merah dan kacang buncis yang dijual pada harga lebih RM20 sekilogram kini turun kepada RM10 hingga RM12 sekilogram.

"Apabila harga mahal, saya tidak berani jual sebab kasihkan pembeli

yang merungut. Mereka mungkin beli barang lain yang lebih perlu terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Sekarang harga makin turun, jadi kita jual macam biasa," katanya.

Namun katanya, PKP yang dilaksanakan ketika ini menyebabkan pergerakan orang ramai terhadap sehingga memberi kesan terhadap hasil jualan.

"Kami tidak pernah berdepan situasi sukar sebagaimana hari ini. Sepanjang 16 tahun berniaga, kali ini pendapatan terjejas. Bukan saya sahaja malah peniaga lain turut merungut terutama ketika sedang menghadapi pandemik Covid-19," katanya.

Sementara itu, Pengurus Econsave Wilayah Utara, Zamzuri Mansor berkata, harga beberapa jenis sayuran menurun berbanding awal bulan lalu.

"Sebelum ini kita pernah jual cili merah tempatan RM25 sekilogram berbanding sekarang ini turun kepada lebih RM7 sekilogram.

"Tomato juga mencecah RM10 sekilogram sebelum ini, tetapi turun kepada hampir RM4 sekilogram dan timun pernah dijual lebih RM3 sekilogram, tetapi kini turun kepada 99 sen sekilogram," jelasnya.

Beliau berkata, harga sayur jenis sawi cameron turut berlaku peningkatan mendadak sehingga RM9 sekilogram sebelum ini namun kini telah turun kepada kira-kira RM2 sekilogram.

Zamzuri berkata, pembelian bekalan terus daripada pembekal atau ladang selain pengurusan logistik tersendiri membolehkan pihaknya mengekalkan kualiti dan harga terbaik.

Musim banjir, PKP pengaruhi harga sayur di pasaran

DI **TERENGGANU**, harga sayur-sayuran masih stabil walaupun berlaku sedikit kenaikan dan penurunan harga.

Tinjauan di Pasar Bandar Marang mendapati sesetengah sayuran naik harga disebabkan kekurangan bekalan susulan banjir baru-baru ini selain permintaan meningkat.

Peniaga, Siti Syawaliah Ali, 34, berkata, harga sayur yang dijual di pasar itu turun naik sejak beberapa minggu lalu.

"Harga tomato misalnya naik antara RM8 ke RM10 sekilogram berbanding RM7 sebelum ini. Sayur kubis juga naik kepada RM5 sekilogram, sebelum ini RM4. Harga terung naik kepada RM8 manakala kacang panjang RM10 sekilogram.

"Bagaimanapun, harga salad turun kepada RM15 sekilogram berbanding RM20 sebelum ini manakala harga kunyit juga tu-

run kepada RM8 sekilogram berbanding RM10 sebelum ini," katanya.

Seorang lagi peniaga, Zemas Deraman, 61, berkata, turun naik harga sayur-sayuran adalah perkara biasa selepas musim banjir.

Begitupun katanya, permintaan pelanggan tidak terjejas kerana kenaikan harga hanya sedikit dan melibatkan beberapa jenis sayuran.

"Harga lobak merah misalnya tidak naik, iaitu RM4 sekilogram, begitu juga timun berharga RM2 sekilogram dan saya jual dengan harga RM5 bagi tiga kilogram timun.

"Harga tomato naik sedikit iaitu RM6 sekilogram, berbanding sebelumnya antara RM4.50 hingga RM5 sekilogram. Cili api V6 juga meningkat RM30 sekilogram, berbanding RM24 mungkin atas faktor tukaran

wang kerana ia diimport dari Vietnam," katanya.

Di **KELANTAN**, harga beberapa jenis sayur dan buah-buahan yang dijual di daerah ini didapati sedikit mahal berbanding biasa.

Tinjauan di beberapa pasar mendapati peningkatan harga sekitar 50 sen sehingga RM1 untuk satu kilogram membabitkan barangan tertentu.

Seorang peniaga di Pasar Siti Khadijah, Syarifah Yakob, 59, berkata, harga sayur meningkat sejak awal pelaksanaan PKP dan bertambah mahal ketika musim banjir.

Menurutnya, harga sekilogram sawi sebelum ini dijual RM3, tetapi sejak PKP dan banjir ia jual lebih tinggi iaitu RM4.

"Begitu juga dengan kubis Beijing terpaksa dijual RM6 sekilogram berbanding RM5 sebelum ini dan kenaikan ini



Harga sayuran di Pasar Bandar Marang masih stabil.

sudah berlaku sejak beberapa bulan lalu lagi.

"Memang ada pembeli merungut tapi mereka pun sedar dengan keadaan semasa negara termasuk musibah banjir dan Covid-19 yang mempengaruhi kenaikan harga barang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Syarifah berkata, begitu juga dengan terung gred A yang di-

beli daripada peraih masih mahal iaitu RM34 untuk 5 kilogram dan harga ini masih sama sejak beberapa bulan lalu.

Begitupun ketika tinjauan harga dilakukan mendapati berlaku penurunan harga bagi timun bersaiz besar yang dijual RM5 sekilogram sejak beberapa hari lalu berbanding RM6 sebelum ini.